

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA**  
**[ SIPITANG ]**

**SOALAN**

Tuan Yamani Hafez bin Musa [SIPITANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah atau kadar pengangguran terkini dalam kalangan siswazah dan apakah punca keadaan ini berlaku.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) tahun 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran di Malaysia ialah 3.3 peratus manakala kadar pengangguran di peringkat tertiar ialah 8.2 peratus. Menurut DOSM, istilah siswazah telah ditukar kepada tertiar. Tertiar merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi selepas Tingkatan 5.
2. Menurut Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) tahun 2018 yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jumlah siswazah yang belum bekerja adalah seramai 57,411 orang. Data ini adalah indikator pengangguran dalam tempoh 6 bulan selepas graduan menamatkan pengajian.

## SOALAN NO : 62

3. Berdasarkan Laporan Tinjauan Ekonomi 2020 oleh Kementerian Kewangan, punca pengangguran adalah disebabkan faktor ketidakpadanan antara permintaan dan penawaran buruh, pengangguran berterusan dalam kalangan belia dan graduan yang baru menamatkan pengajian serta guna tenaga tidak penuh di kalangan tenaga kerja mahir.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi membantu siswazah mendapatkan pekerjaan, Kerajaan telah melaksanakan usaha-usaha berikut:-

- (i) Menyediakan perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja. Bagi memenuhi keperluan semasa dan menambahbaik kecekapan pasaran buruh, Portal *JobsMalaysia* telah dirombak serta dinaik taraf.
- (ii) Menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya, penempatan melalui *Client Account*, Temuduga Terbuka, Program Kerjasama Antara Agensi, *Holiday Placement For Students* (HOPS), Penempatan Dengan Kerjasama APS, Program Penempatan Golongan Khas serta Program Penyesuaian Kerjaya (2PK).
- (iii) Mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia*, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di UTC bagi menyediakan khidmat nasihat profesional untuk mendapatkan pekerjaan dan latihan;

## SOALAN NO : 62

- (iv) Melaksanakan program *Graduates Enhancement Programme For Employability* (GENERATE 2.0) bertujuan membantu golongan muda di kalangan graduan menganggur untuk mengikuti latihan dalam bidang berimpak tinggi bersesuaian dengan keperluan industri.
  - (v) Mengukuhkan dan memperkasakan Program Sistem Latihan *Dual* Nasional (SLDN) melalui pelbagai program dan kerjasama bagi mengurangkan jurang ketidakpadanan kemahiran dengan keperluan industri.
  - (vi) Melaksanakan program *Structured Internship Programme* (SIP) yang diterajui Talent Corp dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Seramai 76,000 belia di kalangan pelajar universiti dan pelatih TVET telah menerima manfaat di bawah program ini;
  - (vii) Memperluas akses kepada warga negara untuk mendapat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat 567 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang telah ditubuhkan. dan
  - (viii) Menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pelajar kemahiran dan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan pekerjaan.
5. Kerajaan yakin semua langkah yang telah dilaksanakan dijangka dapat membantu siswazah mendapatkan pekerjaan dan mengurangkan lagi kadar pengangguran negara.